

# Cabaran untuk tahun baru

SUDAH menjadi tradisi di negara ini, dan di merata dunia, kedatangan setiap tahun baru kita sambut dengan penuh azam dan semangat. Kemunculan tahun 1982 juga tentulah tidak kurang kesannya kepada kehidupan negara dan masyarakat.

Tahun lalu kita menyaksikan beberapa perkembangan penting. Negara telah mendapat kerajaan baru di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Walaupun mungkin masih terlalu awal untuk diukur kejayaan kepimpinan yang baharu ini, namun sedikit sebanyak gaya dan falsafah umumnya sudah mulai kelihatan.

Penekanan kepada mencapai matlamat jangka panjang kestabilan dan pembangunan ekonomi dan sosial negara masih kekal. Untuk memastikan yang matlamat ini tidak tinggal matlamat sahaja jentera pentadbiran Kerajaan telah diperkemas.

Tahun lepas juga negara melancarkan Rancangan Malaysia Keempat, suatu rancangan pembangunan yang jauh lebih besar, baik dari segi jumlah projek mahupun peruntukan kewangannya. Selaras dengan aspirasi menjayakan DEB pelancaran Skim Amanah Saham Nasional dan pembelian Syarikat Guthrie itu ternyata merupakan dua langkah yang bukan kecil ertinya.

Tetapi jika banyak yang telah berlaku tahun lalu tentulah bukan sedikit pula yang masih perlu dilaksanakan tahun baru ini. Selaras dengan hasrat kita bergiat lebih cergas negara akan menyambut tahun 1982 setengah jam lebih awal. Langkah penyeragaman waktu yang akan meletakkan seluruh negara dalam Waktu Malaysia Standard yang sama selain melambangkan penyatuan dan perpaduan sudah tentu pula mempunyai nilai praktik yang bukan sedikit.

Kini untuk pertama kalinya kedua bahagian negara — timur dan semenanjung — akan mempunyai waktu pejabat yang sama. Tentulah ini akan dapat membantu memperkuatkan identiti kebangsaan kita sebagai sebuah negara yang sepadu.

Satu lagi perubahan yang bukan juga kecil maknanya kepada kemajuan masyarakat ialah penguatkuasaan sistem metrik. Penggunaan sistem sukat dan timbang yang seragam ini bukan sahaja memudahkan sebarang bentuk pertukaran malah ia juga meletakkan kita ke dalam arus perkembangan dunia yang telah menuju kepada penggunaan sistem metrik yang menyeluruh semenjak kira-kira sepuluh tahun dahulu.

Di bidang pendidikan, tahun ini sepuluh peratus kanak-kanak sekolah rendah yang memulakan persekolahan mereka di darjah satu akan diperkenalkan, atas dasar perintis, dengan kurikulum 3M yang baru. Kesan jangka panjang/langkah ini kepada sistem pendidikan kebangsaan yang ada juga tentulah bukan kecil. Kejayaan di peringkat perintis ini akan memberikan asas yang lebih teguh untuk menjayakan sepenuhnya pelancaran kurikulum baru ini menjelang 1983.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dalam perutusan tahun barunya menyeru rakyat supaya membentuk sikap bekerja yang lebih rajin, jujur dan bertanggungjawab. Hakikat bahawa sikap demikian ialah faktor kritis untuk menentukan kestabilan politik dan kemajuan ekonomi dan sosial negara yang berterusan memanglah tidak sukar difaham. Tetapi yang pentingnya ialah ia bukan sahaja perlu difaham malah diterima dan dijadikan panduan hidup. Inilah cabaran tahun baru yang utama untuk semua.